

Syor Zahir ditolak

23 JUN 1993

KUALA LUMPUR '22 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak setuju dengan cadangan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Zahir Ismail bagi mengubah keperluan majoriti dua pertiga kepada majoriti mudah dalam urusan meminda perlembagaan.

Katanya, jika jumlah dua pertiga tidak diperlukan adalah dikhuatiri kumpulan minoriti dalam Parlimen akan merasa curiga dengan sebarang keputusan yang diambil oleh ahli dewan.

Oleh itu, tegasnya, keperluan majoriti dua pertiga itu perlu diteruskan bagi melindungi kepentingan kaum minoriti.

"Sekiranya diubah hak kaum minoriti yang termaktub dalam perlembagaan mungkin akan dicabuli," katanya kepada para pemberita sekembalinya daripada lawatan 10 hari ke China, di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, di sini malam ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Zahir bahawa kajian perlu dibuat bagi membolehkan pindaan perlembagaan dilakukan tanpa memerlukan majoriti dua pertiga.

Menurut Zahir apa

yang diperlukan ialah hanya majoriti mudah iaitu lebih daripada separuh perwakilan dan bukannya majoriti dua pertiga.

Zahir berkata, pertukaran itu akan membolehkan pindaan dibuat dengan mudah dan tidak perlu ditangguhkan, terutama dalam perkara membabit-

kan keganjilan dalam perlembagaan.

Sementara itu mengulas hasil lawatannya ke China, kata Perdana Menteri, lawatan itu dianggap berjaya dan ia memerlukan tindakan susulan berkaitan dengan pelaburan dan perdagangan, melalui lebih 30

perjanjian persefahaman bersama yang ditandatangani antara peniaga Malaysia dan China.

Dr. Mahathir turut berbangga dengan layanan ditunjukkan oleh pemimpin China dan ini membuktikan jalinan perhubungan yang akrab antara kedua-dua negara.

Ditanya tindakan susulan kerajaan terhadap projek-projek dagangan dan pelaburan yang dimekalkan itu, katanya, kerajaan akan membantu para peniaga terlibat dan wakil kerajaan China juga memberi pengakuan akan memberi sokongan terhadap projek tersebut.